

18 APR 1997

Mahathir-Kilang (Bergambar)

MAHATHIR MELAWAT KILANG AIR GALIAN DI TITI AKAR

ALOR SETAR, 18 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini melawat kilang membotol air galian, Eau Claire Mineral Water Sdn Bhd, di Titi Akar, Pendang, kira-kira 40 km dari sini.

Dr Mahathir, yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid, diberi taklimat mengenai operasi kilang itu oleh pengurus besar syarikat itu Paul J.K. Lim.

Kilang itu membotol air galian yang dipam dari sumber air lebih 100 meter di dalam tanah.

Kilang bernilai RM12 juta itu dibina pada 1995 dan siap Oktober tahun lepas. Ia kini dalam peringkat terakhir cubaan pengeluaran dan produknya dijadual dilancarkan pada Jun ini untuk pasaran tempatan dan luar negara.

Dr Mahathir kemudian ke Tanah Merah, Pendang untuk menyerahkan seekor lembu korban kepada perkampungan pengajian agama, Pondok Chegar.

Beliau menyerahkan lembu itu kepada wakil pondok berkenaan, Mohamad Yusof pada majlis yang berlangsung di rumah keluarga Pengarang Kumpulan The New Straits Times, Datuk A. Kadir Jasin.

Dr Mahathir berada di Alor Setar untuk menyambut Aidiladha.

Esok beliau akan melawat Kompleks Jihad Basmi Kemiskinan di Paya Pahlawan, Jitra, menghadiri majlis taklimat pembangunan negeri di Wisma Darul Aman dan meninjau tapak penempatan semula nelayan di Kuala Kedah sebelum pulang ke Kuala Lumpur pada sebelah petang.

-- BERNAMA

MFJ AHH